

Bonus raya pesara RM200

UM 2 - NOV 2001

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 1 Nov. — Semua pesara kerajaan akan menerima bonus Hari Raya RM200 seorang pada akhir bulan ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat sebagai 'hadiah' kepada golongan pesara selepas mereka tidak dimasukkan ke dalam senarai penerima bonus dalam pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat pada 19 Oktober lalu.

"Kita beri juga (bonus) kepada mereka sebagai hadiah.

"Keputusan ini dibuat selepas ada orang (pesara) yang merungut kerana mereka tidak dapat (bonus)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam Belanjawan 2002 di Hotel Istana di sini malam ini.

Menghargai

Majlis yang diadakan bagi menghargai sumbangan kakitangan Kementerian Kewangan dalam membuat persiapan Belanjawan 2002 itu, turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Samsudin Hitam.

Terdahulu, Samsudin dalam ucapan alu-aluannya pada majlis itu mengumumkan pemberian bonus Hari Raya itu bersama-sama bonus berjumlah setengah bulan gaji kepada pegawai kategori Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, para pegawai kategori JUSA juga akan diberikan kenaikan gaji berjumlah 10 peratus mulai tahun depan, selaras dengan kadar kenaikan yang diterima oleh kakitangan awam lain.

"Bagi JUSA kali ini kita berikan kenaikan gaji juga, dulu biasanya kita tidak berikan kepada mereka, hanya kumpulan lain sahaja, tetapi kali ini kita bagi semua," katanya.

Buat masa sekarang, dianggarkan terdapat antara 800 hingga 1,000 kakitangan awam yang tergolong dalam kategori JUSA.

Bonus raya pesara RM200 UM 2 - NOV 2001

Belanjawan 2002 mengecualikan pegawai JUSA daripada menerima bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 bagi tahun ini dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus mulai tahun depan seperti yang diterima oleh kakitangan awam lain.

Menurut Perdana Menteri, walaupun pegawai JUSA turut menerima bonus, kerajaan masih lagi mengutamakan golongan berpendapatan rendah memandangkan mereka menikmati peratusan bonus yang lebih tinggi.

"Semua kakitangan mendapat bonus

minimum RM1,000, jadi kalau gajinya RM1,000 mereka (seolah-olah) mendapat bonus sebulan gaji manakala yang bergaji RM500, mereka dapat bonus dua bulan.

"(Ini bermakna) kita berikan keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah," jelas Perdana Menteri.